

KEPENTINGAN PETA MINDA SEBAGAI ALAT BERFIKIR DALAM MENGAMBIL NOTA KULIAH

Tee Tze Kiong¹, Jailani Bin Md Yunos², Baharom Bin Mohamad³,
Widad Bt. Othman⁴ dan Yee Mei Heong⁵

¹Universiti Pendidikan Sultan Idris, tktee@fsm.ups.edu.my

²Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, jailani@uthm.edu.my

³Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, baharom@uthm.edu.my

⁴Open University Malaysia, widadothman@oum.edu.my

⁵Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, mhyee@uthm.edu.my

Aktiviti berfikir melibatkan pengelolaan operasi mental tertentu yang berlaku dalam minda atau sistem kognitif seseorang (Yee *et al.*, 2009). Kemahiran berfikir pula bergantung kepada kemahiran seseorang individu untuk mengendalikan potensi kecerdasan otaknya. Som dan Mohd Dahalan (1998) pula menerangkan bahawa alat berfikir merupakan instrumen yang dapat membantu individu menggunakan minda dengan lebih sistematik dan berkesan. Alat-alat berfikir ini mampu menyampaikan idea seseorang dengan lebih tersusun, jelas dan mudah difahami. Menurut Tee *et al.* (b) (2009), terdapat beberapa alat berfikir yang lazim digunakan dalam sistem pendidikan Malaysia iaitu soalan dan penyoalan, pengurusan grafik, peta minda dan Cognitive Research Trust (CoRT). Namun begitu, setiap jenis alat berfikir mempunyai fungsi dan kegunaan yang unik. Menurut Buzan (2003), peta minda digunakan dalam pelbagai bentuk dan aplikasi termasuklah dalam bidang pembelajaran dan pendidikan. Widad dan Kandar (2006) pula menyatakan bahawa peta minda adalah alat berfikir yang sangat berguna. Artikel ini akan membincangkan konsep alat berfikir yang meliputi jenis dan kegunaan. Selain itu, artikel ini juga turut membicarakan kepentingan penggunaan peta minda dalam mengambil nota secara khusus.

Kata kunci: alat berfikir, peta minda

1.0 PENGENALAN

Peta minda telah digunakan sejak berzaman untuk tujuan pembelajaran, percambahan fikiran, ingatan, pemikiran visualisasi dan penyelesaian masalah oleh para pendidik, jurutera, pakar psikologi dan orang ramai secara umumnya. Menurut Buzan (2003), peta minda digunakan dalam pelbagai bentuk dan aplikasi termasuklah dalam bidang pembelajaran dan pendidikan di mana sering kali ia diajar sebagai “jaring” atau “penjaringan”, merancang dan pengilustrasian dalam kejuruteraan. Jikalau dibandingkan dengan peta konsep yang dibangunkan oleh pakar pembelajaran pada 60-an, peta minda adalah menyerupainya tetapi ia adalah lebih ringkas, berjejari dengan hanya ada satu kata kunci dari pusatnya.

2.0 KONSEP ALAT BERFIKIR

Menurut Som dan Mohd Dahalan (1998), alat berfikir merupakan instrumen yang dapat membantu kita menggunakan minda dengan lebih sistematis dan berkesan. Dengan menggunakan alat berfikir ini, idea-idea yang disampaikan akan menjadi lebih tersusun, jelas dan mudah difahami. Yang tercakup dalam alat berfikir ini adalah:

- (i) Soalan dan penyolaan
- (ii) Pengurusan grafik
- (iii) CoRT
- (iv) Peta minda

Semua pelajar harus didedahkan dengan ilmu pengetahuan bagaimana untuk menggunakan pelbagai alat berfikir. Dengan menguasai penggunaan alat berfikir, pelajar dapat menggunakannya bukan sahaja dalam pengajaran dan pembelajaran, malahan juga dalam situasi harian. Sehubungan dengan perkara ini, guru perlulah mengaplikasikan kemahiran menggunakan alat berfikir ini dalam pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan dan situasi yang sesuai. Memandangkan guru-guru di sekolah kekurangan masa untuk mengajar atau mendedahkan ilmu pengetahuan tentang alat-alat berfikir ini, maka penggunaan kaedah pembelajaran alternatif seperti penggunaan modul pembelajaran sendiri adalah sangat digalakkan. Dengan ini, alat-alat berfikir yang dicadangkan akan dapat dimanfaatkan oleh pelajar sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran mahu pun dalam kehidupan harian (Tee, *et al.* (a), 2009).

2.1 SOALAN DAN PENYOALAN

Soalan adalah alat rangsangan yang sering digunakan untuk memperolehi maklumat, meninjau kefahaman, mencungkil minat dan menilai kebolehan seseorang tentang sesuatu perkara. Manakala, penyoalan merupakan teknik untuk mengemukakan soalan bagi memenuhi keperluan dan tujuan tertentu.

Secara umumnya, lazimnya soalan dan penyoalan digunakan sebagai alat untuk menilai kebolehan, pencapaian dan kemajuan pelajar dalam sesuatu bidang, sama ada dalam bidang kurikulum mahu pun kokurikulum. Bagi tujuan memungkinkkan soalan dan penyoalan ini digunakan secara berkesan, maka pelbagai jenis bahan rangsangan perlu digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, tidak semua guru menguasai kemahiran tentang penggunaan alat-alat berfikir sepenuhnya. Maka, guru-guru baru dicadangkan menggunakan pendekatan pengajaran yang berbeza ke atas pelajar, seperti mengesyorkan pelajar-pelajarnya mempelajari kemahiran tentang alat-alat berfikir menerusi modul pembelajaran sendiri. Dengan menggunakan modul pembelajaran sendiri ini, pelajar bukan sahaja dapat mempelajari kemahiran tentang alat-alat berfikir malah guru dapat menjimat masa dari segi penyampainnya melalui pengajaran secara formal di sekolah.

Kekurangan alat berfikir soalan dan penyoalan ini adalah ia tidak mempunyai satu format khusus bagi pelajar mencatatkan hasil soal dan penyoalan yang dilakukan untuk disimpan sebagai nota rujukan mahu nota kuliah pada masa kelak. Di samping itu, alat ini memerlukan penguasaan yang baik ke atas teknik penyoalan agar hasilnya adalah berkualiti sedangkan teknik penyoalan ini tidak diajar khusus di sekolah. Hal ini akan merumitkan penggunaan alat berfikir ini dalam kalangan pelajar. Namun begitu, masalah ini dapat ditangani dengan adanya guru yang berpengalaman serta menguasai kemahiran tentang alat-alat berfikir dengan baik. Selain itu, penggunaan modul pembelajaran sendiri ke atas alat-alat berfikir yang berkualiti juga dapat mencapai matlamat yang sama. Modul pembelajaran sendiri ini perlulah dilengkapi dengan soalan-soalan berkualiti yang dibentuk berdasarkan taksonomi yang didasari oleh format penilaian.

2.1.1 TUJUAN SOALAN DAN PENYOALAN

Antara tujuan soalan dan penyoalan adalah seperti yang berikut:

- (i) Memperkembangkan proses berfikir secara kreatif dan kritis di mana ia menggalakkan pembelajaran yang melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi.
- (ii) Mengumpul dan menganalisis maklumat secara berkesan.
- (iii) Menggalakkan serta meningkatkan penggunaan metakognitif dalam kalangan pelajar di mana ia menekankan konsep “bagaimana” dan bukan “apa”.
- (iv) Mengulang kaji perkara yang telah dipelajari dengan cepat.
- (v) Merangsangkan pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dan suasana yang ceria dalam pengajaran dan pembelajaran.
- (vi) Menggalakkan pencetusan idea-idea baru dan penggunaan idea-idea yang sedia ada dengan baik.
- (vii) Mewujudkan suasana untuk perkongsian idea antara guru dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar.
- (viii) Menguji dan menilai kebolehan, prestasi dan kemajuan pelajar dari semasa ke semasa oleh guru mahu pun pelajar itu sendiri.
- (ix) Mendapatkan maklum balas tentang keberkesanan pengajaran guru secara semerta menerusi sesi pengajaran yang kebiasaannya dilakukan semasa pemerhatian oleh guru pembimbing atau penyelia.
- (x) Mengenal pasti sama ada objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai atau tidak pada suatu sesi pengajaran.
- (xi) Menarik minat dan perhatian pelajar untuk terus kekal dan tekal dalam pembelajaran agar sesi pengajaran dan pembelajaran dapat berlangsung secara kondusif.
- (xii) Mewujudkan suasana muhibah dan takrif antara guru dengan pelajar, guru akan seronok mengajar dan pelajar gembira belajar.

2.1.2 JENIS-JENIS SOALAN

Secara amnya, kita sering menggunakan soalan berdasarkan aras kognitif Taksonomi Bloom (1956). Mengikut Taksonomi Bloom, aras kognitif ini disusun mengikut hierarki daripada peringkat yang paling rendah hingga ke peringkat yang paling tinggi, iaitu berdasarkan aras kognitif pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Menurut Tee *et al.* (a) 2009, aras rendah merangkumi aras pengetahuan, kefahaman dan aplikasi, manakala aras tinggi adalah terdiri daripada aras analisis, sintesis dan penilaian. Berdasarkan aras kognitif inilah kita membina dan mengemukakan soalan kepada pelajar. Sehingga kini, soalan berdasarkan Taksonomi Bloom masih merupakan bentuk soalan yang popular dalam kalangan guru dan pembina atau penggubal soalan di negara kita. Malah, penggunaannya amat ketara apabila dijadikan sebagai faktor utama dalam Jadual Spesifikasi Ujian (JSU).

Mengikut perkembangan semasa, ada beberapa jenis lagi soalan yang dapat kita gunakan sebagai alternatif untuk membina soalan. Antaranya termasuklah jenis-jenis soalan seperti berikut:

- (i) Soalan bertumpu dan bercapah
- (ii) Lingkaran soalan
- (iii) Soalan kritis
- (iv) Soalan kreatif

2.2 PENGURUSAN GRAFIK

Pengurusan grafik (PG) adalah satu bentuk ilustrasi atau lakaran yang digunakan dengan tujuan untuk merancang, mengurus, meneliti, menganalisis atau menghasilkan sesuatu idea pemikiran yang lebih sistematik, jelas dan berkesan.

Secara umumnya, PG ini berbentuk seperti borang dan jaringan yang perlu diisi dengan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tajuk atau kemahiran yang sedang dipelajari (Som dan Mohd Dahalan, 1998). Melalui PG ini, sesuatu idea yang hendak disampaikan itu akan menjadi lebih jelas dan mudah difahami. Walaupun secara umumnya terdapat lapan jenis pengurusan grafik, tetapi penggunaannya adalah spesifik untuk tujuan tertentu seperti PG membanding beza hanya boleh digunakan khusus untuk menyelesaikan masalah atau disimpan sebagai rujukan bagi tujuan membanding beza suatu perkara. Rumusannya, penggunaan alat berfikir ini adalah terhad bagi suatu tujuan khusus dan fungsinya adalah tidak menyeluruh berbanding fungsi peta minda yang jauh lebih komprehensif khususnya dalam mengambil nota kuliah.

2.2.1 CONTOH-CONTOH PENGURUSAN GRAFIK

Antara PG adalah seperti berikut:

- (i) PG membanding dan membezakan
- (ii) PG membuat kategori
- (iii) PG meneliti bahagian-bahagian kecil dan keseluruhan
- (iv) PG menerangkan sebab
- (v) PG membuat ramalan
- (vi) PG membuat periksa andaian
- (vii) PG membuat keputusan
- (viii) PG menyelesaikan masalah

2.2.2 PENGGUNAAN PENGURUSAN GRAFIK

PG digunakan untuk membantu seseorang itu mengurus dan menyusun pemikirannya supaya menjadi lebih sistematik dan berkesan. Walau pun PG ini disediakan dengan contoh-contoh tertentu, kita boleh mereka cipta PG sendiri atau mengubah suai PG yang sedia ada mengikut keperluan dan peringkat pembelajaran pelajar.

Pelajar hendaklah dilatih menggunakan PG bagi setiap kemahiran yang berkaitan. Hal ini demikian kerana PG bukan sahaja dapat membantu mengurus pemikiran mereka dengan berkesan, malah juga dapat memudahkan mereka memahami sesuatu proses pemikiran itu dengan lebih baik. Mungkin apabila mereka telah mahir menggunakan PG ini, maka mereka tidak lagi perlu menggunakannya. Jadi, penggunaan PG adalah berdasarkan objektif-objektif tertentu.

2.3 ALAT CORT (Cognitive Research Trust)

Alat CoRT ialah instrumen dalam bentuk garis panduan yang digunakan untuk meningkatkan kualiti pemikiran seseorang bagi membuat keputusan atau menyelesaikan masalah yang dihadapi (Som dan Mohd Dahalan, 1998).

Istilah CoRT ini adalah singkatan daripada perkataan “cognitive research trust”. Singkatan ini dicipta oleh Edward de Bono semasa beliau mencubakan alat ini di sekolah-sekolah kajiannya di Barat untuk melihat keberkesannya dalam membantu meningkatkan kognitif pelajar. Oleh sebab dapatan kajian ini menunjukkan keberkesanan yang tinggi maka Edward de Bono mengamanahkan alat kognitif ini kepada guru-guru supaya dapat diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kesemua alat ini terdiri daripada tujuh alat CoRT yang mempunyai tujuan dan kepentingan-kepentingan tertentu.

Hampir sama seperti alat berfikir pengurusan grafik, penggunaan alat berfikir CoRT ini juga terhad bagi suatu tujuan khusus, contohnya alat BLI (baik, lemah, istimewa) hanya boleh digunakan khusus untuk menganalisis suatu benda atau perkara daripada perspektif baik, lemah dan istimewa. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan alat ini adalah tidak menyeluruh dan kurang sesuai digunakan untuk membuat nota bagi sesebuah topik untuk suatu mata pelajaran.

2.3.1 TUJUAN CORT 1

CoRT 1 bertujuan untuk meluaskan persepsi seseorang tentang sesuatu idea dan dapat membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan lebih berkesan (Widad dan Kandar, 2006).

CoRT 1 terdiri daripada alat-alat yang berikut:

PMI (Plus, Minus, Interesting)	=	BLI (Baik, Lemah, Istimewa)
OPV (Other People’s View)	=	POL (Pandang Orang Lain)
CAF (Consider All Factors)	=	TSF (Timbangkan Semua Faktor)
C&S (Consequence & Sequel)	=	KMJK (Kesan Mengikut Kepentingan)
FIP (First Important Priorities)	=	KMK (Keutamaan Mengikut Kepentingan)
APC (Alternatives, Possibles and Choices)	=	AKP (Alternatif, Kemungkinan dan Pilihan)
AGO (Aims, Goal & Objectives)	=	TMO (Tujuan, Matlamat, Objektif)

2.4 PETA MINDA

Menurut Tee *et al.* (b) (2009), peta minda adalah suatu lakaran yang mempunyai tajuk atau tema di bahagian tengahnya dan beberapa garisan yang dikembangkan dari sekelilingnya untuk menggambarkan idea-idea penting serta dengan cabang-cabang kecil ini sebagai huraian. Peta minda adalah sangat sesuai digunakan untuk membuat nota pada sesebuah topik untuk suatu mata pelajaran berdasarkan prinsip penggunaannya. Selari dengan tujuan peta minda iaitu ia membolehkan pelajar mencatat nota dengan mudah serta mengingat sesuatu dengan mudah di samping menggabungkan serta menyeimbangkan kegunaan otak kanan dan otak kiri semasa belajar. Maka, peta minda adalah amat sesuai dan tepat bagi tujuan kajian ini agar

pelajar dapat membuat, menyimpan dan mengulangkaji nota dengan baik dan berkesan.

Peta minda dapat diaplikasikan ke atas individu, keluarga, pendidikan dan situasi perniagaan, mencatat nota, sumbangsaran (dalam mana idea-idea dimasukkan ke dalam peta berjejarian dari pusat, di mana pengumpulan dan pengorganisasian dilakukan pada tahap seterusnya), merumuskan, mengulangkaji dan menjelaskan pemikiran secara umum. Sebagai contoh, seseorang dapat sambil mendengar kuliah dan mencatat nota dengan menggunakan peta minda untuk isi dan kata kunci terpenting. Seseorang juga dapat menggunakan peta minda sebagai suatu teknik memori atau mengeluarkan idea yang kompleks. Peta minda juga digalakkan sebagai suatu kaedah untuk digunakan bersama ketika sesi mencetuskan kreativiti berasaskan pensil warna.

Peta minda dapat dilukis dengan menggunakan tangan, sama ada sebagai "nota kasar", sebagai contoh, ketika menghadiri kuliah atau mesyuarat. Peta minda juga dikenali sebagai "Swiss army knife for the brain" adalah satu teknik mengambil nota yang telah diguna oleh lebih daripada 250 juta individu di seluruh dunia. Pada masa yang sama, penggunaan peta minda juga amat luas dalam dunia pendidikan dan perniagaan (Buzan, 2002).

Matlamat Buzan adalaah untuk membolehkan "Manual operasi Otak Manusia" dimiliki oleh seramai individu yang mungkin di seluruh dunia. Kejayaan usaha ini kian dicapai menerusi ucaptama, media, penerbitan (lebih daripada 90 tajuk setakat ini), perisian dan pusat-pusat latihan kursus Buzan.

Tony Buzan adalah pencipta kepada peta minda, alat berfikir yang paling berkuasa. Pengarah Microsoft iaitu Bill Gates mengenal pasti kepentingan peta minda dalam artikelnya bertajuk "The road ahead – how mind mappers are taking our information democracy to the next stage" ... " satu generasi perisian peta minda baru mampu diguna sebagai asas templet digital untuk bantu menghubungkan dan mensintesis idea dan data, justeru mencipta pengetahuan baru.

Peta minda adalah satu teknik menggrafik yang sungguh berkuasa di mana ia mampu membekalkan kunci universal ke atas membuka potensi pemikiran seseorang. Peta minda mengikat kepelbagaian kemahiran berhubung penggunaan korteks yang melibatkan perkataan, imej, nombor, logic, muzik, warna, kepekaan ke atas ruang dengan berkesan. Selain itu, ia juga memberi kebebasan kepada individu menjelajahi kemampuan otak yang tiada batasannya. Peta minda boleh diaplikasikan dalam semua aspek kehidupan di mana ia mampu meningkatkan pembelajaran dan pemikiran seseorang individu, justeru menggalakkan perkembangan diri.

Penciptaan peta minda bermula pada akhir 1960-an oleh Tony Buzan yang kini digunakan oleh jutaan individu di seluruh dunia. Peta minda digunakan oleh semua golongan daripada yang sangat muda hingga kepada yang sangat tua di mana mereka ingin menggunakan pemikiran dengan lebih berkesan.

2.4.1 TUJUAN

Tujuan peta minda adalah untuk membolehkan pelajar:

- (i) Mencatat nota dengan mudah.
- (ii) Merancang sesuatu seperti penulisan karangan, persembahan, ucapan, projek dan sebagainya.
- (iii) Mengingat sesuatu dengan mudah.
- (iv) Menggabungkan dan menyeimbangkan kegunaan otak kanan dan otak kiri semasa belajar.

2.4.2 KEGUNAAN DAN KENPENTINGAN PETA MINDA

Terdapat banyak kegunaan peta minda. Peta minda berfungsi sebagaimana otak berfungsi – di mana ia tidak berfungsi secara linear. Ingatan adalah dalam bentuk saling berkait dan tidak linear. Sebarang idea mungkin mengandungi beribu hubungan kait dalam otak. Selain itu, peta minda membolehkan hubungan jalinan disimpan dan dipertingkatkan dalam pemikiran.

Minda mengingati kata kunci dan imej dan bukannya ayat. Peta minda hanya menggunakan kata kunci dan imej, justeru membenarkan maklumat yang banyak dimasukkan ke dalam sehelai kertas. Oleh kerana peta minda bercirikan visualisasi dan memperlihatkan hubungan kait antara kata kunci, maka ia adalah lebih mudah diimbas kembali berbanding nota berciri linear.

Mencatat bermula dari pusat kertas membenarkan seseorang mencatat ke semua arah berbanding dari hujung atas kiri. Pengurusan peta minda menggambarkan bagaimana otak manusia mengurus idea. Peta minda adalah mudah dirujuk. Pada masa yang sama, merujuk secara berulang mengukuhkan ingatan. Cara terbaik dalam membuat rujukan adalah dengan melakukan imaginasi ke atas kandungan peta minda, kemudian baru merujuk kembali kepada peta minda jika terdapat sebarang kekaburan. Individu dapat mengingat pada perkara yang mudah dilihat. Peta minda membenarkan individu mencatat kata kunci yang mudah dilihat secara visual dengan berkesan.

Kepentingan peta minda dapat dihubungkan dengan perkara di bawah:

- (a) **Menghasilkan Nota**
Setiap kali maklumat dicatat, peta minda mampu menguruskannya dalam bentuk ringkas yang mudah diasimilasi dan diingati otak. Peta minda boleh digunakan untuk membuat nota bagi sebarang sumber – buku, kuliah, syarahan, taklimat, bahan bacaan, mesyuarat, temu bual dan perbualan telefon.
- (b) **Ingat Kembali**
Setiap kali maklumat diimbas kembali dari ingatan, peta minda membenarkan idea yang lintas pada fikiran dicatat dengan pantas dalam keadaan terurus. Catatan yang dilakukan tidak perlu dalam bentuk ayat penuh. Peta minda berfungsi pantas dan berkesan dalam aktiviti imbas kembali nota kuliah, kandungan bahan bacaan dan perkara yang telah diulangkaji.
- (c) **Kreativiti**
Setiap kali seseorang ingin mencetuskan suatu idea berdasarkan kreativitinya, peta minda membebaskan pemikirannya daripada pemikiran linear dan membolehkan idea-idea baru bercambah dengan baik. Pengguna peta minda harus menganggap setiap item di dalam peta minda adalah pusat kepada peta minda yang baru.

- (d) **Penyelesaian Masalah**
Setiap kali seseorang berhadapan dengan permasalahan – sama ada dalam bidang profesional atau peribadi – peta minda membantu individu mengenal pasti isu-isu dan hubung kait antara satu sama lain. Selain itu, ia juga membantu individu mendapatkan gambaran keseluruhan dengan pantas di samping mengesan perbezaan ke atas aspek situasi dan kepentingannya.
- (e) **Perancangan**
Setiap kali seseorang merancang sesuatu, peta minda membantu individu memperolehi dan mengurus semua maklumat berkaitan dengan mudah. Peta minda boleh digunakan untuk merancang sebarang penulisan sama ada dari surat hingga ke skrip lakonan, mahu pun buku. Di samping itu, peta minda juga boleh digunakan untuk merancang suatu mesyuarat, aktiviti harian, pelancongan, kerangka karangan, penulisan makalah, laporan dan persembahan.
- (f) **Pembentangan**
Peta minda membantu seseorang menyediakan topik dan urutan semasa ingin membuat suatu pembentangan. Peta minda bukan sahaja membantu dalam mengurus idea-idea dengan nyata, malah memberi satu gambaran menyeluruh secara visual dalam pemikiran tanpa merujuk kepada helaian kertas. Peta minda sangat membantu dalam membuat persembahan seperti laporan, kertas kerja, hasil perbincangan dan sumbangsaran.
- (g) **Penggunaan otak kiri dan kanan serentak**
Peta minda berupaya menggabungkan dan mengimbangkan penggunaan otak kanan dan otak kiri semasa belajar.
- (h) **Membuat sinopsis**
Peta minda dapat merumuskan pelbagai bahan bacaan ke dalam bentuk sinopsis atau ringkasan yang padat dan lengkap. Antara bahan bacaan yang sering kali dirumuskan adalah seperti buku, novel, cerpen dan puisi.


2.4.3 PENGGUNAAN PETA MINDA DI SELURUH DUNIA

Peta minda digunakan oleh pelbagai golongan seperti pelajar, pendidik, peniaga, jurutera dan lain-lain di seluruh dunia termasuklah Malaysia, Singapura, China, Vietnam, Korea, Japan, England, Ireland, Hong Kong, Mexico, Algeria, Thailand, Indonesia, India, Afrika, Australia, Filipina, Arab Saudi, Bahrain dan lain-lain.

Berikut merupakan sebahagian daripada contoh peta minda yang paling praktikal di seluruh dunia.


Thailand

<http://www.authorstream.com/Presentation/aSGuest16017-170716-mind-mapping-map-powerpoint-spcug-mindmappingver2-education-ppt/>



Afrika

http://www.buzanworld.comMind_Maps.htm



Perancis

http://www.buzanworld.com/Mind_Maps.htm




Filipina

<http://mindmapkids.multiply.com/photos>




Itali

http://www.buzanworld.com/Mind_Maps.htm



Malaysia





3.0 KESIMPULAN

Peta minda memberi impak yang besar dan penting ke atas pembelajaran pelajar. Pelajar dapat membuat nota kuliah yang berkesan dengan menggunakan peta minda. Semua nota kuliah dapat dihasilkan secara tersusun dan mudah disimpan. Selain itu, ulang kaji dapat dilakukan dengan pantas dan berkesan menerusi penggunaan peta minda. Meneliti kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh Cindy *et al.* (2006), Henry (2006) serta Ang dan Ong (2007), menunjukkan pelajar yang mengamalkan penggunaan peta minda dalam pembelajaran berupaya mengingat dan memperolehi keputusan yang lebih baik.

4.0 RUJUKAN

Ang, Gek Moi and Ong, Lee Lian (2007). Introducing Mind Map in Comprehension. Recent Research on Mind Maps in Education. m.s. 11-19.

Buzan, Tony (2002). How to Mind Map. London: Thorsons. m.s. 65.

Buzan, Tony (2003). Mind maps for Kids: The Shortcut to Success at school. London: Thorsons. m.s. 2, 5, 10, 34, 44, 52, 58, 64, 74.

Cindy Oh; Hariati Ali; Adeline Enriquez; Ilyana Bte Mohd Anwar; Hazel Lim; Law, Ee Peng; Leong, Pei Ying and Wee, Chiu Mei (2006). Reading With Understanding Through The Use if Mind Maps. Recent Research on Mind Maps in Education. m.s. 5-19.

Henry Toi (2009). Research on how Mind Map improves Memory. Recent Research on Mind Maps in Education. m.s. 21-24.

<http://mindmapkids.multiply.com/photos>

<http://www.authorstream.com/Presentation/aSGuest16017-170716-mind-mapping-map-powerpoint-spcug-mindmappingver2-education-ppt/>

<http://www.authorstream.com/Presentation/aSGuest16017-170716-mind-mapping-map-powerpoint-spcug-mindmappingver2-education-ppt/>

http://www.buzanworld.comMind_Maps.htm

http://www.buzanworld.comMind_Maps.htm

Som Hj, Nor dan Mohd Dahalan Mohd Ramli (1998). Kemahiran Berfikir Secara Kritis & Kreatif. Selangor: Longman. m.s. 304-305, 318-321, 323-324.

Tee, Tze Kiong, Jailani Bin Md Yunos, Baharom Bin Mohamad, Widad Bt. Othman dan Yee, Mei Heong (a) (2009). Pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Menerusi Peta Minda Bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sains dan Teknologi 2009 (PKPST 2009)*. m.s. 114-121.

Tee, Tze Kiong, Jailani Bin Md Yunos, Baharom Bin Mohamad, Widad Bt. Othman dan Yee, Mei Heong (b) (2009). Penilaian Aras Kemahiran Berfikir Menerusi Ujian SEA, Rubrik Kemahiran Berfikir Dan Rubrik Peta Minda. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sains dan Teknologi 2009 (PKPST 2009)*. m.s 5-14.

Widad Othman dan Kandar Selamat (2006) "Types of Learning" in Module "Teaching Methods in Technical and Vocational Education." Kuala Lumpur: PD Offset Sdn. Bhd. m.s. 73, 74, 75

Yee, Mei Heong; Lee, Ming Foong; Jailani Bin Md Yunos; Widad Bt. Othman dan Tee, Tze Kiong (2009). Penyebatian Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pencetusan Idea Projek Bagi Mata Pelajaran Teknikal. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik dan Vokasional 2009 (TVE 2009)*.